

NEWS CLIPPING

EVENT	7-Eleven Tawar Program Francais Dengan Modal RM250,000
PUBLICATION	Kosmo
PAGE/SECTION	52/Niaga
DATE	28 February 2018
TIME	-

7 Eleven tawar program francais dengan modal RM250,000

KUALA LUMPUR – 7-Eleven Malaysia Holdings Bhd. (SEM), pemilik dan pengendali kedai 7-Eleven di Malaysia, kini menawarkan semula program francaisnya untuk usahawan tempatan.

Pemegang saham utama SEM yang juga pengasas Berjaya Group, Tan Sri Vincent Tan Syarikat berkata, pakej francais itu memerlukan pelaburan sebanyak RM250,000 bagi mereka yang bersedia untuk mengendalikan dan menguruskan kedai secara sepenuh masa.

Menurutnya, program berkenaan amat sesuai untuk siswazah menganggur dan generasi milenial yang amat berminat dalam keusahawanan kerana seseorang itu mendapat pengalaman yang tidak ternilai dalam menguruskan perniagaan sendiri.

"7-Eleven di Malaysia mempunyai rekod perniagaan yang baik.

"Apabila penerima francais belajar menguruskan kedai dengan baik dan berjaya, mereka akan diberi peluang untuk mengendalikan lebih banyak kedai dan akhirnya dapat menjadi pengendali pelbagai kedai sehingga memperoleh lebih banyak pendapatan untuk diri sendiri.

"Terdapat banyak pilihan pembiayaan yang tersedia untuk mereka yang berminat dari pelbagai agensi kerajaan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

SEM merancang untuk melabur RM70 juta tahun ini untuk membuka kira-kira 200 kedai baharu dan mengubah suai kedai lain.

Sehingga akhir tahun lepas, syarikat mempunyai 2,225 kedai dengan kurang 10 peratus difrancaiskan.

Selain itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif 7-Eleven Malaysia, Ho Meng berkata, perbelanjaan RM250,000 itu termasuk yuran francais awal yang tidak dikembalikan dan deposit yang boleh dikembalikan untuk stok dan sebagai jaminan bakal penerima francais akan memperoleh kembali. – BERNAMA